

**MCA Mahu Kerajaan Ambil Tindakan Segera Terhadap Syarikat MLM  
Bernama  
July 9, 2014**

PUTRAJAYA, 9 Julai (Bernama) -- MCA mahu kerajaan mengambil tindakan segera terhadap syarikat pemasaran pelbagai peringkat (MLM) milik 'jutawan' Zhang Jian bagi mengelakkan lebih ramai rakyat Malaysia menjadi mangsa skim cepat kaya itu.

Timbalan Presiden MCA Datuk Dr Wee Ka Siong berkata Bank Negara Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) serta Jabatan Imigresen perlu berganding bahu menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap syarikat MLM itu.

"Rakyat Malaysia perlu berhati-hati dengan pelan perniagaan yang hanya menjanjikan keuntungan sahaja. Tidak ada pelan perniagaan yang boleh menjamin tiada siapa pun rugi," katanya pada satu sidang media di sini hari ini.

Wee yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak tamak dan jangan mudah terpedaya dengan skim cepat kaya itu.

Semalam, KPDNKK menyerbu ibu pejabat CDTUP International Sdn Bhd yang lebih dikenali sebagai YSLM di Setiawalk, Puchong, dekat sini dan pejabatnya di George Town.

Syarikat YSLM diasaskan warganegara China, Zhang Jian yang mendakwa dirinya 'individu terkaya dunia pada masa depan' dengan empayar perniagaannya, Yun Shu Mao.

Aktiviti perniagaan YSLM itu dilaporkan menjurus kepada skim cepat kaya apabila peserta skim hanya perlu melabur sebanyak RM300 dan dijamin memperoleh pendapatan dan kereta mewah.

Sebelum itu, Ketua Setiausaha KPDNKJK Datuk Seri Alias Ahad dilaporkan berkata syarikat itu didapati tidak berdaftar mengikut Akta Jualan Langsung dan Skim AntiPiramid 1993.

Sementara itu, Wee berkata isu penempatan guru Bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) telah pun selesai berikutan perbincangannya dengan Menteri Pelajaran II Datuk Seri Idris Jusoh semalam.

Menurutnya perbincangan itu membuahkan hasil apabila Kabinet hari ini bersetuju menempatkan semula 115 guru Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

Wee berkata penempatan 77 guru, yang dahulunya ditempatkan di SJKC dan 38 lagi guru SBP bagi menampung keperluan guru-guru Bahasa Cina di SMK, akan berkuat kuasa serta merta.

"Baki 15 guru yang ditempatkan di sekolah vokasional akan diputuskan dalam tempoh terdekat. Saya yakin isu ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Sebelum ini, 130 guru Bahasa Cina bagi subjek pilihan dari UPSI gagal mendapat tempat di sekolah menengah untuk mengajar Mandarin sebaliknya ditempatkan di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), SBP, Sekolah Sukan, Sekolah Seni, Sekolah Model Khas, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Kolej Vokasional pada 1 Julai.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1052562>